

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 27/06/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12
Tajuk : BA100 turunkan harga runcit

BA100 turunkan harga runcit

KUANTAN - Pengguna yang membeli barang keperluan di kedai runcit bakal menikmati harga lebih murah sekurang-kurangnya empat peratus menerusi program inisiatif Barang Asas 100 (BA100) menjelang tahun depan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pelaksanaan inisiatif melibatkan 100 jenis barang runcit itu diluluskan Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup (JTSH) dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail baru-baru ini.

"JTSH bersetuju menjadikan BA100 yang dipelopori Angkasa sebagai platform utama pasaran (pembekal) barang keperluan bagi mengurangkan harga sebanyak empat peratus," katanya pada sidang akhbar Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkasa di Hotel Seri Malaysia di sini semalam.

Beliau menambah, melalui inisiatif itu, Angkasa bertindak sebagai orang tengah tunggal antara pengeluar dengan peruncit.

"Buat masa ini, sebanyak 100 kedai runcit koperasi (di seluruh negara) mengikuti program ini dan Angkasa meletakkan sasaran 3,000 peruncit pada tahun depan.

"Kami juga sedang bangukan aplikasi telefon pintar untuk kegunaan peruncit dalam urusan memesan stok barang secara terus kepada Angkasa dan ia turut mendapat sokongan Kementerian Pembangunan Usahawan," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA